




**K**ELANA DIRINYA DALAM ARENA BISNES BERMULA DI ALAM MAYA PADA PERMULAAN TAHUN 2013 DENGAN MEMASARKAN PRODUK ATAU BARANGAN ORANG LAIN. MELIHAT SAMBUTAN YANG DITERIMA CUKUP MENGGALAKKAN, MENDORONG NUR AMIRAH MULUT ABDULLAH. 27. MEMASARKAN PRODUK KECANTIKAN JENAMA SENDIRI, N.A BEAUTY BEBERAPA BULAN SELEPAS ITU.

# ELRAH

Spektrum Perjuangan

*Nur Amirah & El Azman*



Siapa sangka, setahun mengemudi bisnes tersebut, Nur Amirah yang mesra disapa Mirah berjaya meraih pendapatan lumayan bernilai jutaan ringgit setelah produk N.A Beauty pertamanya iaitu N.A Beauty Argan Oil Serum mendapat sambutan yang cukup menggalakkan. Kejayaan tersebut tidak sekadar menjadi landasan buat Mirah berusaha lebih gigih tetapi secara tidak langsung menjadi bukti kukuh terhadap keputusan nekadnya untuk berhenti kerja demi memberi fokus terhadap perniagaan yang diusahakan.

Terus mencabar diri untuk meneroka cabang perniagaan berbeza, pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kewangan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau, Perlis ini seterusnya melibatkan diri dalam dunia perniagaan tudung. Menerusi label by Nur Amirah, impian anak kelahiran Alor Setar, Kedah, ini untuk memiliki jenama tudung dan jubah sendiri menjadi kenyataan pada 2014 menerusi urus niaga atas talian.

Tidak terhenti di situ, manifestasi perjuangan wanita cekal ini seterusnya dipaksikan pula ke arah cabang perniagaan berbeza menerusi kolaborasi bersama suami tercinta, Muhd Hilmi Che Azman yang dikenali sebagai El Azman atau El. Lalu, terlahirkan signature cukup indah menerusi pilihan nama Elrah pada tahun 2015.

"Elrah merupakan inspirasi gabungan nama saya dan suami, El dan Rah. Ia didedikasikan untuk rekaan pakaian Muslim khusus buat golongan Adam. Lebih setahun di pasaran, kami bersyukur dengan penerimaan dan sambutan yang diberikan oleh para pelanggan. Rata-rata daripada mereka sangat berpuas hati dengan setiap rekaan jubah Elrah memandangkan kehadiran Elrah sememangnya telah dinanti-nantikan oleh mereka sejak sekian lama.

"Apa yang pasti, bukan mudah untuk berada di peringkat ini. Dalam membangunkan Elrah, bukan sedikit cabaran yang perlu kami tempuhi. Lebih-lebih lagi di awal kemunculan Elrah.

"Meski ramai yang memuji kerana menyukai gaya rekaan kami, tidak kurang juga ada yang tidak berpuas hati. Segala kritikan yang diterima meski 'pahit' untuk ditelan, tetap kami ambil demi memperbaiki kelemahan," akui Amirah yang menganggap dugaan yang dilalui merupakan pengalaman cukup berharga buat mereka berdua. Ia sekali gus menjadi pelajaran berguna buat dirinya dan suami terhadap kekhilafan yang berlaku dalam usaha menambah baik mutu dan kualiti perkhidmatan mereka kepada pelanggan.

### Butik fizikal buat pelanggan

Memiliki sebuah stor penyimpanan stok yang terletak di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur sejak tahun lalu, impian Amirah dan El untuk memiliki butik fizikal mereka sendiri akhirnya menjadi kenyataan. Tanggal 28 Mei lalu, butik Elrah Exclusive telah beroperasi secara rasmi di Bangi Sentral, Bandar Baru Bangi, Selangor.


"Alhamdulillah, kami bersyukur kerana hasrat untuk memiliki butik realiti akhirnya terlaksana. Tak sangka, bermula dan atas talian dan kemudian stor yang bertindak secara tidak langsung sebagai premis jualan sokongan para pelanggan tetap terhadap kami tidak pernah putus.

"Terharu dengan sokongan mereka, kami nekad membuka butik. Tujuannya adalah untuk memberi lebih ruang dan keselesaan kepada para pelanggan yang membeli-belah di sini.

"Bukan itu sahaja, istimewa buat pelanggan kami sempena kunjungan Syawal ini, Elrah Exclusive turut menampilkan koleksi terbaru yang berkolaborasi dengan artis ternama tanah air menerusi seleksi busana Wak Doyok By Elrah, Hafiz Hamidan By Elrah dan Leeyana Rahman X Elrah.

"Wak Doyok By Elrah menampilkan himpunan baju Melayu potongan moden mementihu imej hipster yang dibawa oleh Wak Doyok selaku selebriti online popular. Tampilan gaya yang lebih

# ELRAH EXCLUSIVE



El dan Amirah gembira Elrah semakin diterima ramai.

santai dan ranggi melalui penampilan variasi rona terang membuatkan koleksi istimewa ini serasi digayakan sempena Aidilfitri. Koleksi Hafiz Hamidun By Elrah pula merupakan koleksi rekaan jubah moden. Tidak hanya selesa dan kemas digayakan, jubah tersebut turut memberi ilusi kurus pada si pemakai.

"Untuk Leeyana Rahman X Elrah pula menampilkan padanan sedondon lelaki dan wanita dengan menyerlahkan ilusi ranting pada busana. Corak tersebut berjaya memberikan impak maskulin pada kurta dan dalam masa yang sama memberikan padanan dres yang feminin dengan pilihan warna seperti hitam, biru diraja, putih dan merah jambu," kongsi El yang turut memberitahu Elrah kini memiliki lebih kurang 12

pengedar dan lebih daripada 100 ejen di seluruh Malaysia dan luar negara seperti Egypt, Thailand, Brunei, Singapura dan Indonesia.

Dalam pada itu, Elrah Exclusive juga bakal tampil dengan variasi produk terbarunya iaitu kain ihram, tasbih, butang baju Melayu, sejadah dan koleksi kasual untuk golongan Adam yang bakal menemui pelanggan selepas Hari Raya Aidilfitri nanti. Melihat sambutan cukup menggalakkan daripada para pelanggan, El dan Amirah turut menyasarkan untuk membuka francais Elrah Exclusive di beberapa buah negeri. Antaranya Kelantan, Pahang dan Johor. Tidak ketinggalan, Thailand juga bakal menjadi negara pilihan memandangkan permintaannya yang diterima cukup tinggi.



El tidak menolak untuk mencuba cabang perniagaan baru yang lain andai peluang terbuka untuk dirinya

السَّلَامَةُ عَلَيْنَا



Elrah Exclusive dibina demi keselesaan para pelanggan.

## Rai Syawal di Kedah & Kelantan

Bercerita perihal kemeriahan sambutan Syawal, pasangan bahagia yang bakal menimang cahaya mata pertama mereka pada awal November ini meraikan Aidilfitri mereka di kampung halaman kedua-dua belah pihak iaitu di Kedah dan Kelantan.

"Syawal pertama dan kedua disambut di rumah ibu bapa saya di Kedah. Manakala, Syawal ketiga pula diraikan di rumah pusaka keluarga El yang terletak di Kelantan. Suasana nya agak berbeza dan meriah kerana adik-beradik El sembilan orang dan saya pula anak tunggal.

"Menyentuh soal menu istimewa, laksa merupakan juadah kegemaran saya yang wajib ada setiap kali hari raya. Rasa macam tak lengkap hari raya kami, tanpa hidangan laksa di atas meja," akhira Amirah yang nyata tidak mampu menyembunyikan perasaan teruja untuk pulang berecuti di kampung halaman sempena hari raya ini.

Amirah gembira N. A Beauty terus bertahan dan berkembang seiring perkembangan Elrah



Handwritten notes at the bottom of the page, including a phone number: 011-2222 2222